

# Buang sampah merata jejas imej Malaysia

Malaysia pada era globalisasi ketika ini berada di atas landasan untuk mewujudkan masyarakat yang sepenuhnya bermoral dan beretika, warganegaraanya kukuh dalam nilai agama, kejiwaan dan didorong oleh tahap etika paling tinggi. Di sini, dapat kita lihat bahawa pembangunan modal insan yang bermutu tinggi menjadi tunjang utama yang menjurus kepada pembentukan masyarakat yang tergolong dalam masyarakat minda kelas pertama.

Akan tetapi, benarkah masyarakat di Malaysia masih dibelenggu dengan mentaliti masyarakat kelas ketiga? Apa yang dapat dilihat kini melalui moral dan etika segelintir daripada masyarakat kita sebenarnya masih berada pada tahap itu. Mereka tidak mempunyai tingkah laku yang boleh dicontohi, suka berlengah, membuang masa, tiada berhemat, bekerja secara sambil lewa, tidak bersemangat, leka, dan sebagainya.

## Pentingkan diri sendiri

Lihat sahaja sikap segelintir masyarakat kita yang gemar membuang sampah merata-rata, terutama di bahu jalan dan di kawasan yang dilarang untuk membuang sampah. Mereka bersikap mementingkan diri dan mengabaikan peraturan yang telah ditetapkan oleh pentadbir untuk memelihara kebersihan di tem-

pat awam.

Seringkali jelas terdapat papan tanda amaran bertulis 'Dilarang membuang sampah di kawasan ini. Denda: RM500' diletakkan di beberapa kawasan seperti di tepi lampu isyarat atau di bahu jalan. Namun, masih ada yang bersikap tidak peduli terhadap amaran ini. Mereka masih membuang sampah merata-rata di kawasan sekitarnya.

Sikap ini bukanlah suatu perkara kecil yang boleh dipandang enteng kerana bukan sahaja akan mengakibatkan sesetengah kawasan menjadi kotor, akan tetapi ianya juga akan menimbulkan rasa tidak selesa bagi orang awam yang melalui kawasan terbabit. Lebih teruk lagi ialah apabila ada segelintir masyarakat kita membuang sampah merata-rata di kawasan pelancongan sekali gus menjejaskan imej kita pada mata pelancong asing.

Sewajarnya Malaysia yang menjadikan Islam sebagai agama rasmi haruslah lebih seiring dengan apa yang diajarkan Islam seperti dalam hadis riwayat Tarmidzi, "Sesungguhnya Allah itu baik, mencintai kebaikan, bahwasanya Allah itu bersih, menyukai kebersihan, Dia Maha Mulia yang menyukai kemuliaan, Dia Maha Indah menyukai keindahan, kerana itu bersihkan tempatmu".

Hakikatnya, Islam terlebih dahulu mengajar soal penjagaan kebersihan zahir dan batin kerana



Sampah sarap dibuang sesuka hati **jejas keindahan alam dan punca penyakit.**

[GAMBAR HIASAN]

perkara seperti ini sering berkait dengan masalah penyakit yang berpunca daripada sampah yang dibuang secara merata-rata.

Jika ditelusuri pelan kerajaan melalui Pelan Transformasi Minda (PTM) yang dilancarkan pada 2015, Malaysia berada di landasan ke arah menjadikan negara dalam lingkungan 10 negara terbersih di dunia menjelang 2020. Pihak kerajaan sangat optimis dalam mencapai hasrat ini melalui pelan yang dirangka.

Justeru, peranan masyarakat untuk mengubah sikap gemar membuang sampah merata-rata

kepada sikap memelihara kebersihan dan melestarikan alam sekitar amat digalakkan.

## Masyarakat minda kelas pertama

Pelan ini adalah satu usaha Solid Waste Corporation (SWCorp) dalam membentuk minda, sikap, dan tabiat serta budaya di Malaysia untuk menjadikan masyarakat kita dikategorikan sebagai masyarakat minda kelas pertama yang bertanggungjawab, memiliki nilai etika, progresif, dan mempunyai kesedaran tinggi dari aspek kebersihan serta keinda-

han persekitaran dan kelestarian alam sekitar.

Justeru, tidak mahukah kita menjadi masyarakat minda kelas pertama yang berdisiplin dalam mengutamakan keindahan dan kebersihan alam sekitar? Hargailah keindahan semula jadi alam sekitar kita agar dapat diwarisi dan dijadikan contoh oleh generasi akan datang, sekali gus membawa imej Malaysia yang bersih di mata dunia.



**Faridah Hanum Roslin,**  
Majlis Perwakilan Pelajar,  
Universiti Sains Islam Malaysia.